

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum pukul 10.30 pagi pada 11hb Januari, 1975.

MENTERI PELAJARAN RASMI MESYUARAT  
KESATUAN GURU-GURU MELAYU

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamad, di upacara merasmikan Mesyuarat Perwakilan Khas Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat di Dewan Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kampung Pandan, Kuala Lumpur pada 11hb Januari, 1975, jam 10.00 pagi :

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kepada Pengerusi dan anggota Jawatankuasa Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat kerana sudi menjemput saya berucap sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan persidangan perwakilan Kesatuan ini yang khusus untuk membincangkan memorandum berkenaan dengan ~~peraksanaan~~ ~~peraksanaan~~ Dasar Pelajaran Kebangsaan. Setahu saya ini adalah kali yang pertama yang saya dijemput untuk merasmikan satu persidangan khas untuk tujuan membincang pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Saya percaya dengan adanya persidangan ini maka dapatlah guru-guru dalam persatuan ini membahar, mengumpul dan memasukkan ke dalam memorandum untuk pertimbangan Jawatankuasa Jumaah Menteri yang baru dilantik. Saya percaya penuh bahawa persidangan ini boleh menyusun satu memorandum yang baik yang penuh dengan cadangan-cadangan yang bernas. Saya ingin mengucap tahniah kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat kerana begitu mengambil berat tentang masalah ini dengan mengadakan persidangan ini.

Dengan adanya persidangan khas ini maka jelaslah bahawa ahli-ahli Kesatuan ini betul-betul membuktikan bahawa guru-guru adalah orang-orang yang terpelajar dan bertanggungjawab. Mengadakan mesyuarat seperti ini ialah cara yang sesuai dengan peraturan-peraturan sesebuah persatuan. Tanpa tindakan yang berasas kepada peraturan-peraturan yang memberi peluang kepada wakil-wakil ahli mengeluarkan fikiran dan pendapat saya percaya memorandum yang disediakan oleh Kesatuan tidaklah akan menjadi lengkap dan disokong oleh semua pihak. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah persatuan tuan-tuan menunjuk satu contoh yang baik kepada masyarakat.

Pada masa-masa yang lewat ini ada gulungan-gulungan yang berpendapat bahawa peraturan-peraturan dan undang-undang merupakan sekatan terhadap kebebasan sesuatu individu ataupun gulungan. Oleh kerana itu mereka ingin membelakangkan peraturan-peraturan dan bertindak secara liar dan sesuka hati. Kalau pendapat yang semacam ini merebak sehingga melibatkan semua gulungan maka sudah tentulah undang-undang dan peraturan-peraturan di dalam sesuatu pertubuhan ataupun di dalam negara tidak akan mendatangkan faedah sama-sekali. Dan lagi dengan membelakangkan undang-undang dan peraturan-peraturan ini maka keadaan yang tidak tentu arah akan ujud.

(tambahan)

② Kita akan melihat umpamanya di dalam Kesatuan tuan-tuan, kalau peraturan tidak dipedulikan, maka bukan sahaja Jawatankuasa yang dilantik yang akan mengeluarkan pendapat tidak membuat keputusan bagi pihak persatuan tetapi ahli-ahli biasa juga akan membuat berbagai ketetapan dan mengakui bahawa mereka mewakili persatuan. Kumpulan ahli yang melantik diri sendiri sebagai ketua kepada persatuan mungkin ada pendapat-pendapat yang bercanggah dan bertentangan antara satu dengan lain. Dalam keadaan yang semacam ini maka bukan sahaja Jawatankuasa Kesatuan tidak akan diterima lagi oleh lain-lain pihak sebagai mewakili Kesatuan tetapi Kesatuan sendiri akan hancur kerana ahli-ahlinya akan berlawanan sama sendiri dan membelakangkan Jawatankuasa. Saya percaya tentulah keadaan ini tidak akan mendatangkan faedah kepada Kesatuan dan kepada ahli-ahlinya.

① Inilah sebabnya yang Kesatuan dan ahlinya patut berpegang kuat kepada peraturan-peraturan untuk menjadi satu badan yang berkesan.

Guru-guru memang menjadi pemimpin masyarakat. Kalau mereka sedar bahawa di dalam Kesatuan mereka sendiri peraturan-peraturan ada tempatnya maka tentulah mereka juga sedar bahawa di dalam negara juga kita berkehendak kepada peraturan-peraturan dan warganegara yang patuh kepada peraturan-peraturan. Di dalam usaha guru-guru membentuk peribadi murid-murid dan menentukan nilai-nilai hidup mereka maka pegangan kepada peraturan-peraturan ini patutlah ditegaskan. Jika tidak tentulah penuntut-penuntut dan warganegara yang akan mendiami di dalam negara kita ini akan terdiri daripada orang-orang yang akan bertindak secara liar, secara tidak bertanggungjawab dan membelakangkan undang-undang.

Kalau Kesatuan boleh jadi rosak kerana peraturan-peraturan Kesatuan tidak dipatuhi oleh ahli-ahlinya maka negara juga akan menjadi rosak kalau warganegaranya tidak mematuhi kepada undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara.

Negara kita mengamalkan sistem demokrasi. Sungguhpun kebanyakan daripada guru-guru tidak diberi tugas untuk menyampaikan pelajaran tentang demokrasi kepada murid-murid tetapi sebagai pemimpin mereka perlu menerangkan cara-cara demokrasi kepada murid mereka dan menunjuk tauladan kepada masyarakat. Demokrasi memberi kebebasan kepada rakyat tetapi demokrasi juga ada peraturan-peraturannya. Peraturan-peraturan ini membolehkan rakyat memprotes dan mengkritik apabila mereka berasa tidak puas hati. Kalau protes mereka ini berasas kepada kejadian-kejadian yang benar Kerajaan yang dipilih oleh rakyat tentulah akan mengambil berat tentang protes ini. Jika tidak maka sudah tentu tokoh-tokoh yang tidak mengambil berat tentang protes yang benar tidak akan dilantik semula untuk membentuk Kerajaan. Cara ini adalah penting untuk mengokalkan demokrasi. Jika cara ini dibelakangkan maka yang akan hancur ialah demokrasi sendiri.

Baru-baru ini ada sebilangan <sup>orang</sup> ~~penuntut-penuntut~~ yang berpendapat bahawa protes melalui saluran biasa dalam demokrasi tidak berkesan. Oleh kerana itu mereka cuba menggunakan cara-cara yang tidak dibenar oleh undang-undang untuk memajukan kritik mereka. Yang lebih buruk lagi ialah asas kritik mereka ini tidak benar sama-sekali. Kalaulah mereka berjaya dalam usaha mereka di luar undang-undang ini maka apa yang akan terjadi ialah satu gulungan minoriti dapat memaksa majoriti menerima pendapat mereka melalui cara yang haram. Ini sudah tentu tidak demokratik.

(tambahan)

Tetapi yang lebih buruk lagi ialah kalau mereka ini berjaya maka gulungan yang lain pula, minoriti yang lain pula akan bertindak demikian rupa dan akibatnya ialah huruhara akan ujud di dalam negara kita. Huruhara tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mana-mana pihak, termasuklah orang-orang yang telah bertindak di luar daripada undang-undang. Kalau ada pun orang yang suka kepada huruhara dalam negara kita maka mereka tentulah musuh kita - umpamanya Parti Komunis Malaya.

Sebagai guru-guru yang bertanggungjawab yang berpegang kepada peraturan-peraturan di dalam persatuan tuan-tuan sendiri saya harap bahawa tuan-tuan akan memajukan sistem yang tuan-tuan amal di dalam persatuan tuan-tuan kepada penuntut-penuntut dan masyarakat keseluruhannya. Dengan cara ini saya percaya bahawa guru-guru akan dihormati oleh rakyat dan akan menjadi orang yang betul-betul membentuk bukan sahaja peribadi seseorang murid tetapi juga peribadi sebuah negara yang maju dan berjaya.

Seperti mana tuan-tuan dan puan-puan telah maklum Jawatankuasa Menteri ini adalah bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan supaya dapat kita mengujudkan satu masyarakat yang berdisiplin, bertanggungjawab dan terlatih. Samada masyarakat ini dapat ujud atau tidak bergantunglah kepada cadangan-cadangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang menyampaikan memorandum kepada Jawatankuasa ini.

Saya percaya penuh bahawa persidangan ini dapat membentuk satu memorandum yang boleh memberi kesan untuk menentukan rupa bentuk laporan Jawatankuasa Menteri ini supaya tercapai tujuan-tujuan yang ianya telah ditubuhkan.

Dengan harapan ini saya ingin sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, ingin mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan dan mengakhiri dengan mengistiharkan perasmian mesyuarat ini.

KUALA LUMPUR,  
10hb Januari, 1975.

(dikeluarkan pada pukul 9.30 malam)

HY/1bh